

**MASALAH DAN PELUANG BAGI INDUSTRI KECIL  
PENERBITAN SYARIKAT BUMIPUTRA DENGAN  
TUMPUAN KEPADA SYARIKAT  
KUMPULAN KARANGKRAF SDN. BHD.**

*Disediakan Oleh:*

<i>NAMA</i>	<i>ITM NO</i>
1. OTHMAN BIN MOHD.SAID	84977634
2. MOHD.SHUKRI BIN CHE AHMAD	85499118
3. MOHD.NOH BIN MOHD.SAID	86008218
4. RAMLI BIN AHMAD	86018068

**KAJIAN LUAR KAMPUS  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
JALAN OTHMAN  
MEI 1990**

## KANDUNGAN

Muka surat

Penghargaan	ii
Abstrak	iii

### BAB SATU: PENGENALAN

Latar belakang masalah	1
Objektif	3
Andaian	3
Kepentingan kajian	4
Skop penyelidikan	5
Batasan	6
Tata cara persembahan	6

### BAB DUA: ULASAN BAHAN KAJIAN

Maksud istilah	7
Industri penerbitan secara am	8
Sejarah penerbitan di Malaysia	11
Organisasi syarikat KKSB	15
Sejarah ringkas KKSB	17
Majalah-majalah terbitan KKSB	19
Falsafah KKSB	24
Ulasan karyawan	25
Tata cara persembahan	25

### BAB TIGA: KAEDAH PENYELIDIKAN (METHODOLOGY )

Teknik-teknik pengumpulan data	29
Cara untuk memperolehi data	30
Jenis-jenis persampelan	31
Persampelan penyelidikan	34
Borang soal selidik	35
Pra-ujian borang soal selidik	36
Batasan-batan pra-ujian	38
Tata cara persembahan	38

### BIBLIOGRAPHY

#### LAMPIRAN:

- A : Borang soal selidik para pembaca dan pengiklan
- B : Surat menyurat dan lain-lain

## **PENGHARGAAN**

Dalam usaha penyelidikan ini kami banyak terhutang budi kepada pihak-pihak tertentu serta individu. Dengan berbesar hati kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Hussamuddin bin Haji Yaacub, pemilik syarikat KKS B yang telah memberi kebenaran kepada kami membuat penyelidikan ini, juga kepada kakitangan KKS B yang telah memberi kerjasama yang sepenuhnya.

Seterusnya kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khas kepada Dr.Mohd.Tahir bin Haji Abd. Hamid, Dip. M (UK), B.Sc., MBA, Ph.D (Wales), Pensyarah Kanan, Pengurusan Pemasaran, ITM Shah Alam, selaku penasihat kumpulan ini yang telah berusaha memberi segala tunjuk ajar, buah fikiran, komen dan pandangan yang konstruktif dan galakan yang penuh dedikasi dalam memandu kumpulan ini menjayakan penyelidikan kami.

Disamping itu terima kasih di ucapkan kepada pihak perpustakaan Utusan Melayu ( M ) Bhd. yang telah memberi kerjasama kepada kami menggunakan kemudahan perpustakaan. Tidak ketinggalan juga kami merakamkan penghargaan yang istimewa kepada anak-anak dan isteri kami yang telah memberi dorongan, galakan dan kerjasama yang sepenuhnya serta pengorbanan yang tidak terhingga.

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah satu kajian khas, yang di buat berasaskan satu syarikat bumi-putera, iaitu: KKS<sup>B</sup> yang bersaing hebat, dan nekad dalam usaha menerbit beberapa jenis majalah yang bermutu dari berbagai jenis keluaran untuk terus beroperasi dan maju di dalam industri penerbitan.

Penerbitan di Malaysia yang begitu mencabar, kajian ini adalah khusus bagi mendapat gambaran dan rumusan bagi mengatasi dan memperbaiki kualiti majalah keluaran KKS<sup>B</sup>. Juga bagi mengenal pasti kelemahan dan kepincangan jika ada dari aspek operasi, pengurusan dan pasaran KKS<sup>B</sup>.

Bagi menjalankan satu kajian yang sempurna lagi terperinci beberapa langkah dan strategi telah disusun bagi mendapat maklumat-maklumat dalaman dan luaran yang berhubung kait dengan industri penerbitan.

Maklumat sekunder telah di perolehi dari rekod jualan, pasaran dan minit-minit mesyuarat KKS<sup>B</sup>. Bagi maklumat utama, penyelidikan ini mengaturkan cara melalui borang soal selidik yang telah di pra-ujian. Juga temuduga secara informal dilakukan keatas ekskutif KKS<sup>B</sup>, pembaca, pengedar dan beberapa syarikat pengiklanan tempatan. Ini di lakukan dengan memasukan borang soal selidik kedalam semua majalah keluaran KKS<sup>B</sup> yang akan datang. Sebagai galakkan 100 responden yang pertama menghantar jawapan akan di beri satu majalah KKS<sup>B</sup> secara percuma.

## **1.0 PENGENALAN**

### **1.1 LATAR BELAKANG MASALAH**

Syarikat penerbitan bumiputera merupakan syarikat yang mengendalikan aktiviti-aktiviti dan pemprosesan sebelum sesuatu majalah atau buku dicetak untuk pasaran, misalnya kerja-kerja pengumpulan bahan, penyuntingan dan reka letak. Syarikat penerbitan bumiputera biasanya merupakan satu syarikat yang kecil dari segi modal dan keupayaan. Pada amnya, kebanyakan syarikat penerbitan bumiputera merupakan sebuah syarikat yang kurang berdaya maju dan dikendalikan oleh kumpulan separuh profesional yang menjalankan aktiviti urus niaga penerbitan secara ikut-ikutan sahaja.

Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd. (KKS) tergolong dalam kategori syarikat penerbitan bumiputera yang menerbitkan beberapa jenis majalah, seperti majalah sukan, hiburan dan pendidikan. Kemampuan KKS terhad dari segi modal, kepakaran, tenaga kerja terlatih dan pengeluaran. Modal berbayar yang kecil telah menjasakan operasi penerbitan oleh sebab pengaliran wang masuk jualan majalah daripada penjual kepada subjen dan ejen utama, seterusnya kepada syarikat tidak berjalan dengan licin dan mengambil masa yang lama. Dari itu, secara langsung dan sebaliknya, ia memberikan kesan buruk kepada